



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

WAZAN
PUSAT PENGURUSAN
WAKAF, ZAKAT DAN ENDOWMEN
مركز فؤروسن وقف، زكاة دان اينداومن

Mesra . Cakna . Telus

WAZAN
kini

WAZAN PERUNTUK LEBIH RM300 RIBU BANTU MANGSA BANJIR

Berita Oleh: Mohd Rizal

Foto Oleh: PSPK UPM



Menteri Pengajian Tinggi (tiga dari kanan) dan Naib Canselor UPM (paling kiri) menyampaikan bantuan kepada mangsa banjir - Foto, PSPK UPM

UPM SERDANG - Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN) UPM telah memperuntukkan dana sebanyak lebih RM300,000.00 bagi membantu mangsa banjir dalam kalangan warga UPM yang terjejas susulan bencana banjir yang melanda beberapa negeri di Semenanjung Malaysia. Bantuan yang diperuntukkan menggunakan dana agihan zakat, zakat korporat, dana wakaf ilmu dan tabung UPM Prihatin@WAZAN.

Pengarah WAZAN UPM, Prof. Madya Dr. Mohd Daud Awang berkata, "WAZAN menyediakan peruntukan besar untuk membantu para pelajar dan staf yang terkesan akibat banjir yang melanda", katanya ketika menghadiri sesi gotong royong bencana banjir bersama Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi di Bukit Canggang, Puchong Disember lalu.

Antara bantuan yang disalurkan kepada mangsa banjir yang terlibat adalah barangan keperluan, wang tunai dan sokongan kepada aktiviti sukarelawan.

Terdahulu, sesi gotong royong dianjurkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) melibatkan 200 orang sukarelawan pelajar dari UPM untuk membantu mangsa banjir di Bukit Canggang, Puchong.

“Saya berbangga dengan semangat sukarelawan UPM dan kita harus membantu sedaya upaya kita dalam misi pembersihan rumah mangsa-mangsa banjir...”

-YB Datuk Seri Dr Noraini Ahmad-

Sesi gotong royong tersebut dihadiri oleh Menteri KPT YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Naib Canselor UPM, Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman, Pengarah WAZAN UPM, Prof. Madya Dr. Mohd Daud Awang, Pengerusi Jemaah Pengetua, merangkap Pengetua Kolej Canselor UPM, Prof. Madya Dr. Amini Amir Abdullah dan pegawai-pegawai UPM.

Dr. Noraini dalam satu sesi penyampaian amanat sebelum aktiviti kesukarelawan berkata, beliau berharap misi sukarelawan itu dicontohi oleh semua pihak terutamanya di kalangan pelajar IPT bagi membangkitkan keprihatinan serta semangat kesukarelawan pelajar.

“Saya berbangga dengan semangat sukarelawan UPM dan kita harus membantu sedaya upaya kita dalam misi pembersihan rumah mangsa-mangsa banjir di kawasan tersebut yang secara langsung dapat menggembirakan mereka yang terkesan dengan musibah banjir,” katanya.

Naib Canselor UPM, Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman berkata penglibatan pelajar UPM sebagai sukarelawan itu adalah selaras dengan hasrat Pelan Strategik UPM 2021-2025 pada Matlamat 1: Melahirkan Watak Graduan Berdaya Tahan Mendepani Cabaran Mendatang serta kesejahteraan komuniti setempat pada Matlamat ke-3: Melestarikan Ekosistem Jaringan Industri Dan Masyarakat.

“Penglibatan pelajar UPM dalam misi sukarelawan itu secara langsung akan memberi pendedahan kepada pelajar bagi memupuk sifat kepimpinan untuk berbakti serta mengukuhkan jaringan sosial terhadap masyarakat bagi nilai tambah dalam diri pelajar,” katanya.

bit.ly/youtubewazanupm

facebook.com/wazanupm

instagram.com/wazanupm

facebook.com/UniPutraMalaysia

[@uputramalaysia](https://twitter.com/uputramalaysia)

youtube.com/user/bppupm

instagram.com/uniputramalaysia

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN

BERILMU BERBAKTI
WITH KNOWLEDGE WE SERVE



BERITA SEMASA

WAZAN UPM AGIH RM4.1 JUTA BANTU ASNAF UPM


Oleh: Mohd Rizal
Foto oleh: Noor Razan

UPM SERDANG -Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN), Universiti Putra Malaysia (UPM) memperoleh kutipan zakat sebanyak RM7.5 juta pada tahun 2021. Kutipan ini diperoleh melalui potongan gaji bulanan dan melalui kaunter kutipan di WAZAN UPM.

Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah mengembalikan semula 50% dana zakat yang terkumpul untuk diagihkan kepada 5 (LIMA) golongan asnaf di UPM.

Jadual di bawah merupakan laporan agihan zakat UPM kepada 5 (LIMA) golongan asnaf pada tahun 2021 yang lalu.

LAPORAN AGIHAN ZAKAT UPM PADA TAHUN 2021



BIASISWA WAKAF: KURANG UPAYA PENGLIHATAN BUKAN PENGHALANG CAPAI IMPIAN

UPM SERDANG – Status OKU buta kedua belah mata tidak menjadi penghalang untuk Khairullah Affarouk Paiman, 37, untuk beliau bergelar graduan Sarjana (Master) Bahasa Melayu.

Khairullah Affarouk merupakan anak kedua daripada enam orang adik beradik telah dilahirkan sempurna dan keadaan beliau berubah segalanya apabila anak jati Felda Pemanis, Segamat Johor itu mengalami kerosakan saraf pada bahagian kedua belah mata akibat daripada terkena bola semasa berusia 13 tahun.

Beliau merupakan seorang yang minat dalam Bahasa Melayu, kini beliau sedang menyambung pengajiannya di peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD)

“Saya bersyukur dapat melanjutkan pelajaran di UPM kerana pihak UPM sangat prihatin dan cakna dengan nasib golongan OKU. Pelbagai prasarana yang dapat dinikmati seperti kemudahan tempat tinggal yang mesra OKU dan juga penyediaan embosser daripada Perpustakaan Sultan Abdul Samad, PSAS UPM yang sangat membantu pelajar OKU penglihatan,” katanya.

Khairullah mempunyai prinsip yang tersendiri iaitu tidak menjadikan kekurangannya sebagai alasan untuk beliau mencapai kejayaan. Beliau sentiasa membina motivasi buat dirinya sendiri agar dapat mengejar cita-citanya sebagai seorang pensyarah suatu hari nanti. – UPM

Sumber berita: UPM



Khairullah Affarouk Paiman, di majlis Konvokeyen UPM Ke-44 - Foto, PSPK UPM